

CNS0718

R GB 21-10 00203 BB961

AAB

Mahathir - Apec

KEATING DAN GOH AKAN PUJUK DR MAHATHIR HADIRI SIDANG APEC?

Daripada Kuah Guan Oo

I

LIMASSOL (CYPRUS), 21 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Australia, Paul Keating, yang dijadual menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat ini dijangka memujuk pemimpin Malaysia itu mengubah fikiran dan menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Seattle, bulan depan.

Dr Mahathir telah menyatakan bahawa beliau tidak akan menghadiri sidang kemuncak itu yang diusahakan pentadbiran Clinton dan beliau, setakat ini, belum membayangkan sebarang perubahan kepada rancangannya itu.

Tetapi wartawan Australia yang membuat liputan Sidang Kemuncak Komanwel di sini menjangka pemimpin Australia itu, yang akan menemui Dr Mahathir buat pertama kali selepas menerajui pemerintahan pegarannya, akan memujuk Perdana Menteri supaya mengubah fikiran dan menghadiri sidang kemuncak APEC itu.

Perbincangan kedua-dua pemimpin itu dijangka berkisar kepada persoalan mengenai hubungan dua hala kedua-dua negara yang renggang sejak pemerintahan bekas Perdana Menteri Australia, Bob Hawke.

Yang turut dijangka menemui Dr Mahathir berhubung soal itu ialah Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, Jumaat ini.

Goh, dilaporkan akhbar "The Australian" Rabu lepas, sebagai pemimpin Asia Tenggara yang paling kuat menyokong agenda Canberra untuk APEC. --  
Lagi.

♥21/10/18-16MST

R GB 21-10 00175 BB962

BAH

Mahathir - Apec 2 (Akhir) Limassol

Laporan itu menyebut Goh tidak sependapat dengan para pemimpin Malaysia dan Thailand yang APEC mungkin muncul sebagai struktur keinstitutionan dan setiap yang dipandang berat oleh Asia Tenggara akan ditenggelamkan negara besar dalam APEC.

Dalam satu temuramah khas dengan harian itu, Goh berkata, para pemimpin Asean perlu memberi idea dan inisiatif baru mengenai bagaimana APEC perlu bergerak dan jika mereka tidak berbuat demikian, "sudah pasti peranan Asean dalam APEC akan merosot."

Antara pemimpin yang akan menemui Dr Mahathir untuk perbincangan dua hala Jumaat ini ialah Perdana Menteri Bangladesh, Begum Khaleda Zia dan Perdana Menteri Lesotho, Dr Ntsu Mokhehle.

Sementara itu, ramai wartawan yang membuat liputan sidang kemuncak Komanwel itu cuba mendapatkan Perdana Menteri untuk ditemuramah. Pada satu majlis yang dianjurkan Setiausaha Agung Komanwel, Chief Eweka Anyaoku, Rabu lepas, para wartawan beratur untuk menemuinya.

Antara temuramah khas yang dipersetujui Dr Mahathir ialah dengan David Frost menerusi rancangan "Breakfast with Frost" terbitan BBC, Ahad ini. --  
Bernama.

KGO NAK KAM.

♥21/10/18-41MST